

6,168 ibu tunggal mendapat bantuan e-Kasih

UB 27.03.2012 15

SETAKAT 12 Mac lepas, Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna merekodkan seramai 6,168 Ketua Isi Rumah (KIR) berstatus ibu tunggal mendapat bantuan e-Kasih.

Menterinya, Datuk Azizah Mohd Dun berkata, daripada jumlah itu, seramai 4,838 KIR atau 78 peratus menerima bantuan daripada pelbagai jabatan dan agensi di bawah kerajaan.

Menurutnya, antara bantuan itu termasuklah Bantuan Bina Rumah (PBR), bantuan am bulanan negeri, bantuan sewa rumah, dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP).

Selain itu katanya, seramai 568 orang atau 12 peratus ibu tunggal terlibat dalam program 1Azam yang mana sebahagian besarnya dibantu untuk memulakan perniagaan di samping menerima elaun bulanan 1Azam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Syed Abas Syed Ali (BN-Balung) mengenai jumlah ibu tunggal yang mendapat bantuan e-Kasih dan penglibatan golongan terbabit dalam program 1Azam.

Azizah turut menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Suhaili Said (BN-Tunku) mengenai usaha yang dijalankan kementeriannya dalam menyediakan rujukan bagi jumlah ibu tunggal sama ada balu atau janda di negeri ini.

Katanya, satu kerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan dijalankan bagi mencari usaha atau program untuk membantu golongan terbabit.